

14/10/2001

Generasi muda perlu lebih adil hakimi PM

zim Ahmad Jamalludin

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menasihatkan rakyat negara ini khususnya generasi muda tidak menghakimi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hanya berdasarkan perkara yang berlaku dalam tempoh tiga atau empat tahun lalu.

Sebaliknya, Timbalan Perdana Menteri mahu beliau dihakimi secara lebih adil dengan melihat usahanya memajukan bangsa Melayu dan negara ini sejak menjadi Perdana Menteri, 20 tahun lalu.

"Bagi generasi muda yang ada sekarang, saya harap mereka tidak menghakimi pemimpin kita hanya berasaskan kepada apa yang berlaku kebelakangan ini terutama dalam situasi begitu banyak kecaman dan kebencian yang disemaikan di kalangan anak muda oleh parti pembangkang.

"Ini sebenarnya boleh memberi pandangan yang tidak betul kepada pemimpin kita. Dr Mahathir mesti dilihat dalam senario keseluruhan kepimpinan beliau.

"Tindakannya memperkenalkan pelbagai rancangan dan dasar menjadikan Malaysia sebuah negara yang cepat meningkat maju dan menjadikan rakyat negara ini berjaya dalam semua bidang... itu yang diusahakan oleh Dr Mahathir," katanya selepas merasmikan Seminar Pemikiran Dr Mahathir Untuk Generasi Muda di sini, semalam.

Pada majlis itu, beliau turut melancarkan Tabung Pembangunan Pelajar Melayu Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) cawangan Wangsa Maju.

Lebih 200 peserta menghadiri seminar sehari anjuran GPMS cawangan Wangsa Maju dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) itu.

Turut hadir Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Zainal Abidin Zin yang juga penasihat jawatankuasa seminar; Ketua Pengarah DBP, Datuk A Aziz Deraman; Presiden GPMS, Datuk Suhaimi Ibrahim dan Pemangku Yang Dipertua GPMS cawangan Wangsa Maju, Jaafar Abdul Rahim.

Seminar itu diadakan dengan tujuan memperjelas pemikiran Dr Mahathir dalam pelbagai bidang kepada generasi muda, memperdalam pemahaman generasi muda terhadap pemikiran dan tindakan Perdana Menteri, menghapuskan kekeliruan generasi muda terhadap pemikiran dan tindakan Dr Mahathir dan meningkatkan kecintaan generasi muda kepada watan dan kepimpinan Dr Mahathir.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, untuk memahami dengan jelas sesuatu tindakan yang diambil Perdana Menteri, generasi muda perlu menilai tindakan itu secara menyeluruh dan bukannya dalam konteks tertentu saja.

Sebagai contoh, katanya, ada kalanya kenyataan yang dibuat Dr Mahathir terutama terhadap pelajar dilihat agak keras.

Bagaimanapun, beliau berkata, kenyataan itu lebih dilihat sebagai teguran membina terhadap generasi yang suatu hari akan memainkan peranan hebat dalam pembangunan negara.

"Tentulah banyak kenyataan yang dibuat dan juga tindakan yang diambil itu jika dilihat dalam konteks itu saja, mungkin anak-anak muda kita tidak akan dapat memahaminya.

"Tetapi, jika dilihat dalam senario menyeluruh termasuk dari segi kepimpinan beliau (Dr Mahathir), ia adalah sesuatu yang dapat memenuhi cita-cita untuk menjadikan orang Melayu khususnya dan rakyat Malaysia mempunyai keyakinan tinggi untuk mencapai matlamat kejayaan," katanya.

Ditanya mengenai guru yang meracuni pemikiran murid-murid sekolah, Abdullah berkata, tindakan seumpama itu juga perlu dihentikan.

"Mereka (guru) juga perlu memahami (tindakan yang diambil Dr Mahathir)... jangan menghukum terlalu cepat," katanya.  
(END)